



*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**7 Februari 2020**

1. Pulau Pinang kenaklan bayaran pindah haiwan; Berita Harian

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN : Nasional</b>	<b>Muka Surat</b> <input type="text" value="41"/>	<b>RUANGAN :</b>	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
<b>7.2.2020</b>			

JUMAAT, 7 FEBRUARI 2020

## Nasional

# Pulau Pinang kenakan bayaran pindah haiwan

**Caj minimum adil kepada penternak kecil, komersial mula 1 April**

**Bukit Mertajam:** Mulai 1 April ini, Kerajaan Pulau Pinang akan melaksanakan caj bayaran kadar minimum Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) dan permit pemindahan keluar masuk bagi semua jenis haiwan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan negeri, Dr Afif Bahardin, berkata pelaksanaan kadar bayaran minimum itu bagi memberi kesan ekonomi sama rata kepada penternak kecil dan komersial.

"Warta Kerajaan Pulau Pinang bernombor 254 bertarikh 5 Jun

2008 mengandungi caj perkhidmatan dikenakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar ke atas SKV dan Akuan Kebenaran Pindah Keluar/Masuk (AKPK/AKPM). Bagaimanapun, kutipan pengeluaran SKV dan AKPK/AKPM tidak dilaksanakan sehingga kini.

"Kerajaan Pulau Pinang bersestuju melaksanakan caj bagi SKV dan permit pemindahan mengikut warta itu bermula 1 April ini. Kita lihat kepada keadaan semasa untuk lebih adil, terutama dalam kalangan penternak kecil yang membayar sama harga dengan penternak komersial," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, caj bayaran kadar minimum antara RM4 hingga RM35 seekor/konsimen itu dikenakan mengikut jenis haiwan, termasuk kucing, anjing, kuda, lembu/kerbau, kambing/biri-biri/rusa, babi, unggas komersial, bahan hasil haiwan, kuda/unta, haiwan lain dan hasil hai-



**Dr Afif Bahardin**

wan serta karkas.

Beliau berkata, penternak tiada sijil AKPK/AKPM dan SKV dikenakan tindakan mengikut Seksyen 36 Akta Binatang 1953 (Semakan 2006).

Sementara itu, Dr Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, berkata Peraturan-peraturan Pelesenan Babi (Pulau Pinang) 2020 mengikut Enakmen Penternakan Babi Negeri Pulau Pinang 2016 berkuat kuasa pada 1 Mac ini.

"Enakmen dan peraturan ini diperkenalkan bagi mengawal aktiviti ternakan babi, terutama aspek kebersihan dan kesihatan kerana sudah lama menyumbang kepada pencemaran, terutamanya air.

"Sistem Penternakan Babi Modern mengikut Seksyen 3 Enakmen Penternakan Babi Negeri Pulau Pinang 2016 menggariskan setiap penternak babi perlu menaik taraf kepada sistem kandung babi tertutup, mengamalkan sistem kumbahan sifar, zon penampungan dan amalan ladang ternakan yang baik (GAHP)," katanya.

Beliau berkata, penternak babi perlu memohon lesen penternakan enam bulan bermula pada tarikh peraturan itu dikuatkuasakan melalui Bahagian Regulatori Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang dan hanya penternak babi yang mempunyai kelulusan kebenaran merancang akan dipertimbangkan kelulusan pelesenan itu. **BERNAMA**